

# RFN3

Rancangan Fizikal Negara Ke-3



**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia**  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2016





**PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

**PERUTUSAN**



Menjelang tahun 2020, Malaysia mensasarkan untuk menjadi sebuah Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi. Bagi mencapai hasrat tersebut pelbagai cabaran akan kita lalui khususnya yang menyentuh aspek pembangunan fizikal yang lestari dan mampan. Sehubungan itu, perancangan spatial masa hadapan harus memberi pertimbangan kepada aspek pengurusan sumberjaya negara dan keupayaan kita dalam menangani perubahan global yang sukar dijangkakan.

Rancangan Fizikal Negara pertama disediakan pada tahun 2005 dan selanjutnya Rancangan Fizikal Negara Ke-2 dizahirkan pada tahun 2010 yang lebih memfokuskan pembentukan negara ini sebagai sebuah Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020. Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) ini pula disediakan sebagai satu pelan perancangan yang melangkaui tahun 2020, ke arah mewujudkan Negara maju yang mempunyai landskap ekonomi yang progresif serta memberi fokus kepada Negara yang berdaya tahan.

Di samping itu, ia juga mengambil kira keperluan pelbagai golongan masyarakat secara menyeluruh khususnya dari aspek penyediaan perumahan mampu milik, sistem pengangkutan yang efisien, penyediaan kemudahan yang inklusif ke arah komuniti sejahtera. RFN Ke-3 juga memberikan penekanan kepada isu-isu perubahan iklim dengan merangka strategi spatial yang berkesan.

Bagi memastikan RFN Ke-3 ini konsisten dengan perancangan dan pembangunan semasa negara, ianya disediakan berteraskan kepada komitmen di peringkat negara dan juga global. Komitmen negara digarap melalui Program Transformasi Kerajaan, bidang-bidang ekonomi di bawah Program Transformasi Ekonomi, Rancangan Malaysia Ke-11 serta melalui dasar-dasar sektoral dan pelan induk pelaksanaan yang berkaitan. Manakala di peringkat global, komitmen Perjanjian RIO+20 pada tahun 2012 dan *Sustainable Development Goals* (SDGs) pada tahun 2015 oleh *United Nation* turut dijadikan landasan bagi menghadapi cabaran global masa hadapan.

Saya mengharapkan agar RFN Ke-3 ini menjadi asas perancangan spatial jangka panjang negara yang selaras dengan RMKe-11 yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak khususnya dalam mengagihkan sumberjaya negara secara seimbang ke arah pembentukan Negara Berdaya Tahan dan Berdaya Huni melangkaui tahun 2020.

**DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HJ. ABDUL RAZAK**  
Perdana Menteri Malaysia





## PERUTUSAN

### MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) merupakan dokumen perancangan spatial tertinggi dalam rangka kerja perancangan pembangunan negara. Ianya memaparkan kerangka perancangan fizikal yang menterjemah dasar-dasar strategik dari pelbagai sektoral negara dalam konteks tiga dimensi.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab terhadap penyediaan dokumen RFN Ke-3 ini, saya berharap agar ianya menjadi rujukan dan **diselaraskan pelaksanaannya di semua peringkat perancangan dan pembangunan** supaya dasar yang konsisten di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan diwujudkan. Oleh itu, dokumen ini merupakan **dokumen bersama** dalam menentukan hala tuju pembangunan Negara yang lebih dinamik, seimbang dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran Negara masa hadapan.

RFN Ke-3 ini akan diterjemahkan dalam penyediaan Rancangan Pemajuan dan Penggubalan Dasar Perumahan Negara, Dasar Landskap Negara, Dasar Sisa Pepejal dan lain-lain yang akan menjadi instrumen dalam memandu pembangunan spatial bagi menangani isu-isu peringkat negara, negeri dan tempatan. Sehubungan itu, bagi memastikan RFN Ke-3 ini dapat diterjemahkan dengan lebih tepat, Kementerian ini telah menjalankan sesi rundingan dan perbincangan sebagaimana diperuntukan dalam Seksyen 6B(5) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang menetapkan bahawa menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membantu dalam memastikan matlamat RFN tercapai.

Kementerian ini juga yakin dengan komitmen dan kolaborasi dengan Kementerian-kementerian lain dalam usaha melaksanakan strategi-strategi yang telah digariskan di dalam RFN Ke-3 ini yang akan membantu mencapai sasaran **negara yang berdaya tahan dan berdaya huni** seterusnya memastikan pertumbuhan Negara yang mampan dan berterusan.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia sebagai peneraju dalam perancangan fizikal Negara diharapkan dapat memantau pelaksanaan dasar yang digariskan dalam RFN Ke-3 ini. Ia seiring dengan hasrat Kementerian ini untuk mewujudkan masyarakat sejahtera dan seterusnya mencapai negara yang berdaya tahan dan berdaya huni menjelang tahun 2040.

**TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan





## PERUTUSAN

### KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM) telah berjaya menerbitkan dokumen dasar Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3). RFN Ke-3 akan berperanan untuk menyokong perancangan ekonomi Rancangan Malaysia Lima Tahun ke arah mencapai aspirasi Malaysia sebagai Negara Maju Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020 seterusnya merangka perancangan jangka panjang pasca 2020 sehingga tahun 2040. Ini adalah penting bagi memastikan pertumbuhan pembangunan Negara yang berterusan, progresif dan dinamik.

Perancangan fizikal Negara perlu sentiasa relevan mengikut perubahan pesat ekonomi, sosial serta berkeupayaan untuk bertindak secara proaktif terhadap isu-isu semasa. Cabaran masa hadapan terutamanya dalam menangani risiko global seperti perubahan iklim, bencana alam, ketidakpastian ekonomi, kemerosotan alam sekitar dan juga aspek ketahanan pertumbuhan, perbandaran dan perubahan sosial juga perlu dititikberatkan.

Bagi memastikan pemakaian RFN Ke-3 dilaksana secara menyeluruh, sokongan daripada agensi-agensi Persekutuan dan Negeri amatlah penting. Penglibatan negeri Sabah di dalam RFN ke-3 ini sangat ditunggu dan dialu-alukan yang pastinya akan memberi dimensi baru terhadap perancangan spatial merentasi Laut China Selatan sebagai satu usaha bersepadu dan perancangan sumber pada masa hadapan.

Selaras dengan keperluan peruntukan di bawah subseksyen 6B(6), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), saya berharap pemantauan RFN Ke-3 secara berkala akan dilaksanakan supaya perancangan yang diatur dapat dinilai dan juga perlu sentiasa ditambah baik. Ianya penting bagi memastikan dokumen dasar RFN Ke-3 seiring dengan perubahan yang berlaku di peringkat negara dan global. Usaha bersepadu semua Kementerian, Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menterjemahkan RFN Ke-3 akan memastikan matlamat ***Membentuk Sebuah Negara yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni*** dan seterusnya pembangunan masyarakat sejahtera dan inklusif dapat dicapai pada masa hadapan.

**DATUK HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK**

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan







**PRAKATA**  
**KETUA PENGARAH JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**  
**SEMENANJUNG MALAYSIA**



Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan hierarki tertinggi di dalam sistem perancangan guna tanah Negara. Ianya diperuntukkan di bawah seksyen 6B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Penyediaan RFN memfokuskan kepada dasar-dasar strategik sebagai panduan perancangan fizikal dan dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Selaras dengan keperluan peruntukan di bawah subseksyen 6B(4), Akta 172 supaya dokumen dasar ini di kaji semula setiap lima tahun, Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3) telah disediakan selaras dengan penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Bagi memastikan kesinambungan dan kelangsungan dasar pembangunan Negara, kajian semula RFN adalah penting untuk memastikan ianya terus relevan dalam keadaan senario pembangunan yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa. RFN Ke-3 ini telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) pada 21 Julai 2016.

Matlamat RFN Ke-3 adalah ***Membentuk Sebuah Negara yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni untuk Memastikan Keperluan Penduduk Diambil Kira Dalam Setiap Perancangan Pembangunan.*** Fokus kepada Negara yang Berdaya Tahan bermaksud negara yang mampu menangani risiko bencana alam, perubahan iklim dan alam semulajadi. Manakala, fokus kepada Negara yang Berdaya Huni bermaksud peningkatan kepada kualiti persekitaran yang mampu menjana komuniti sejahtera dan inklusif.

Dalam penyediaan RFN Ke-3 ini, kawasan kajian juga telah dilebarluaskan meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala bagi negeri Sarawak, perkara-perkara strategik yang merentas sempadan sahaja diambil kira. Selain itu, RFN Ke-3 turut mengambilkira tahap pencapaian RFN terdahulu serta isu-isu dan cabaran-cabaran baru. Bagi memastikan pencapaian yang berkesan, kemajuan spatial negara diselaraskan juga dengan beberapa komitmen di peringkat nasional dan peringkat global yang telah ditetapkan dalam usaha menentukan arah tuju pembangunan negara. Komitmen negara dilihat melalui Program Transformasi Kerajaan, bidang-bidang ekonomi di bawah Program Transformasi Ekonomi, teras-teras strategik di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 serta melalui dasar-dasar sektoral dan pelan induk pelaksanaan yang berkaitan seperti Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Selain daripada itu, RFN Ke-3 perlu diselaraskan di peringkat perancangan dan pembangunan Persekutuan, negeri dan tempatan yang diterjemahkan dalam dokumen Rancangan Struktur Negeri (RSN) selaras dengan peruntukan perenggan 7(3)(aa), Akta 172. Ianya juga perlu diperincikan di kajian Rancangan Tempatan (RT) yang akan dilaksanakan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Oleh yang demikian, adalah diharapkan RFN Ke-3 akan dijadikan panduan dan rujukan utama oleh pelbagai agensi dalam merangka program-program pembangunan. Dasar strategik ini akan memandu dan mengawal selia corak pembangunan secara efisien dan mampan berdasarkan keperluan dan ciri-ciri sesuatu kawasan. Pada masa yang sama pelaksanaan strategi-strategi pembangunan yang telah dikenal pasti di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan dapat dicapai sepenuhnya.

**DATO' DR. DOLBANI BIN MIJAN**  
Ketua Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia



# ISI KANDUNGAN

Bab 1	<b>Pengenalan</b>	<b>1-1</b>
Bab 2	<b>Matlamat dan Hala Tuju Pembangunan</b>	<b>2-1</b>
	Pertumbuhan Penduduk dan Cabaran Masa Hadapan	2-2
	Malaysia ke Arah Tahun 2020	2-4
	Malaysia ke Arah Tahun 2040	2-5
	Gambaran Keseluruhan Rancangan Fizikal Negara Ke-3	2-8
	Pelan Pengurusan Spatial Negara	2-11
	Rangka Strategik Pembangunan	2-14
	PPS 1 Rangka Pertumbuhan Spatial Negara	2-17
	PPS 2 Pelan Pengurusan Sumber	2-25
	PPS 3 Pelan Pengurusan Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi	2-31
Bab 3	<b>Teras 1</b>	
	<b>Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar (PD)</b>	<b>3-1</b>
	PD 1: Pertumbuhan Bandar yang Seimbang	3-4
	PD 2: Pembangunan Luar Bandar yang Bersepadu	3-44
	PD 3: Hubungan dan Akses yang Dipertingkatkan	3-66
Bab 4	<b>Teras 2</b>	
	<b>Kemampuan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim (KD)</b>	<b>4-1</b>
	KD 1: Pengurusan Mampuan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan	4-4
	KD 2: Perancangan Guna Tanah Holistik	4-56
	KD 3: Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampuan	4-92
Bab 5	<b>Teras 3</b>	
	<b>Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni (KI)</b>	<b>5-1</b>
	KI 1: Persekitaran Kehidupan Lengkap dan Berkualiti	5-6
	KI 2: Persekitaran Komuniti Berdaya Huni	5-24
	KI 3: Keterlibatan dan Kolaborasi Komuniti	5-42
Bab 6	<b>Pelan Pengurusan Spatial Negeri</b>	<b>6-1</b>
	Perlis	6-8
	Kedah	6-14
	Pulau Pinang	6-20
	Perak	6-26
	Kelantan	6-32
	Terengganu	6-38
	Pahang	6-44
	Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya	6-50
	Negeri Sembilan	6-56
	Melaka	6-62
	Johor	6-68
	Sabah	6-74
	Wilayah Persekutuan Labuan	6-80
Bab 7	<b>Pelaksanaan</b>	<b>7-1</b>
	P1: Pelaksanaan dan Penyelarasan Hala Tuju Strategik Rancangan Fizikal Negara	7-3
	P2: Pembentukan <i>Malaysia Urban Observatory</i>	7-16
	P3: Penubuhan Dana Amanah Perubahan Iklim Nasional	7-23
	P4: Mekanisme Pengurusan dan Pembangunan Tanah Mampuan	7-26